

08 FEB 1999

Hishamuddin-Desakan

DESAKAN PELAJAR DR M LETAK JAWATAN TIDAK WAJAR, KATA PEMUDA BN

KOTA KINABALU, 8 Feb (Bernama) -- Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein berkata desakan pelajar Malaysia di luar negara supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan, sebagai sesuatu yang tidak wajar.

Hishamuddin yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama berkata, ia juga tidak mencerminkan kemahuan majoriti rakyat di negara ini.

Beliau berkata, walaupun golongan tertentu bebas menyuarakan apa yang mereka mahu Dr Mahathir lakukan, golongan berkenaan harus ingat bahawa Perdana Menteri telah dipilih melalui proses demokrasi.

"Sudah tentu dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi, rakyat boleh menyuarakan pendapat atau pandangan mereka tetapi ia hendaklah dibuat menerusi saluran wajar," katanya pada persidangan berita di ibu pejabat Barisan Nasional (BN) di Putatan Square, dekat sini.

Hishamuddin berkata pergerakan pemuda tidak bersetuju dengan desakan berkenaan walaupun ada ruang untuk mereka berbuat demikian.

"Mungkin ada fakta-fakta atau perkara-perkara yang tidak ada dalam pengetahuan mereka (sehingga timbulnya desakan berkenaan)," katanya.

Semalam, seorang pelajar Malaysia di London, dalam satu sesi dialog dengan Perdana Menteri berkata Dr Mahathir perlu meletakkan jawatan kerana cara beliau mengendalikan perkara berkaitan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengenai pilihan raya negeri Sabah, Hishamuddin berkata barisan pemuda negeri kini bersedia untuk turun ke gelanggang untuk berkempen bagi menangkis isu-isu yang akan dibangkitkan oleh parti pembangkang pada pilihan raya itu.

Pemuda BN juga akan menyokong sesiapa sahaja calon yang dipilih oleh pucuk pimpinan BN untuk bertanding pada pilihan raya itu.

"Saya berpuashati dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh barisan pemuda BN setakat ini dan saya berharap semangat seumpama ini diteruskan bagi memastikan kemenangan BN negeri," katanya.

-- BERNAMA

NT PR